



## Apakah matlamat pembangunan KPP?

Matlamat pembangunan KPP adalah pertama untuk melibatkan dan meningkatkan penyertaan rakyat dalam pertahanan negara.

Kedua, adalah mengkaji semula persekitaran strategik keselamatan yang telah berubah dengan mengambil kira trend terkini, agar sejajar dengan realiti cabaran semasa dan akan datang.

Ketiga, adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan ATM agar mampu untuk melindungi dan mempertahankan negara pada sebarang masa.



## Bagaimana KPP akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara?

KPP memenuhi visi negara iaitu mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur. Visi ini dicapai menerusi tiga keberhasilan yang dinyatakan di dalam KPP iaitu keesahan, penerimaan dan kebolehpercayaan.

Keesahan merujuk kepada kuasa kerajaan sebagai elemen utama dalam membina ketahanan dalaman yang membolehkan KPP dibina berdasarkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan sebagaimana amalan demokrasi.

Penerimaan adalah berkait dengan KPP sebagai satu dasar yang telah dipersetujui dalam kalangan agensi kerajaan bersesuaian dengan kaedah *whole-of-government*.

Kebolehpercayaan pula merujuk kepada perakuan dan keyakinan bahawa ATM berupaya dan sentiasa siapsiaga untuk melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.

Diterbitkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

**IKUTI KAMI:**

 **Kementerian Pertahanan Malaysia**

 **@MINDEFMalaysia**

 **mindefmalaysia**

 **Kementerian Pertahanan**

**Website :** <http://www.mod.gov.my>

**E-mail :** [uks\\_mindef@mod.gov.my](mailto:uks_mindef@mod.gov.my)



**KEMENTERIAN PERTAHANAN  
MALAYSIA**

# SOALAN LAZIM KERTAS PUTIH PERTAHANAN (KPP)



**"Malaysia  
yang Selamat,  
Berdaulat  
dan Makmur"**



**#KPPMinDef**

**#KertasPutihPertahanan**

**#MinDefMalaysia**





## Apa itu Kertas Putih Pertahanan (KPP)?

KPP merupakan dokumen yang menetapkan hala tuju Kerajaan dalam melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.

Komitmen dan keutamaan Kerajaan digariskan bagi tempoh 10 tahun iaitu dari 2021 sehingga 2030 yang merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK 13).

Berdasarkan Kerangka Pertahanan Negara, KPP membentuk strategi jangka panjang dalam memastikan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur.

## Apakah perbezaan KPP dengan Dasar Pertahanan Negara (DPN) sedia ada?

Dasar berkaitan pertahanan boleh didapati pada tahun 1971, 1979 dan 1981. DPN yang komprehensif telah diperkenalkan pada tahun 1986 dengan semakan pada 1991 dan diikuti oleh semakan terakhir pada 2006.

Ia diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia dan hanya boleh dicapai oleh pihak-pihak tertentu.

KPP pula satu dokumen terbuka yang mengandungi hala tuju dan keutamaan pertahanan bagi tempoh 10 tahun iaitu dari 2021 sehingga 2030 yang merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK 13).

Memandangkan KPP adalah dokumen terbuka, KPP boleh dicapai oleh rakyat.

## Bagaimana KPP dibangunkan?

KPP dibangunkan menggunakan pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* iaitu mengambil kira penglibatan dan pandangan semua kementerian serta agensi kerajaan, dan suara semua lapisan masyarakat termasuk Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), Pemain Industri Pertahanan, Veteran ATM serta Ahli Akademik.

Sesi libat-urus bersama beberapa negara rakan strategik yang telah berpengalaman membangunkan KPP turut diadakan.

## Apakah perkara yang terkandung dalam KPP?

KPP menzahirkan cabaran dan peluang yang wujud kesan daripada kedudukan geografi Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan susur galur kebenuaan. Potensi Malaysia turut digarap berdasarkan posisi Malaysia sebagai gerbang penjalin di antara Asia-Pasifik dan Lautan Hindi.

Sehubungan itu, Kerangka Pertahanan Negara telah dibentuk bagi menggariskan dasar-dasar dan usaha-usaha dalam mencapai visi Malaysia Sebagai Sebuah Negara Yang Selamat, Berdaulat dan Makmur. Kerangka ini turut mengandungi penetapan berkenaan tiga Kepentingan Pertahanan Negara yang merangkumi keselamatan, kedaulatan dan kemakmuran.

Seterusnya, lima Objektif Pertahanan Negara telah dikenal pasti iaitu pembangunan pelbagai domain keupayaan ATM, peningkatan daya ketahanan dalaman Malaysia melalui pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society*, pengukuhan kerjasama pertahanan, pemajuan industri pertahanan sebagai pemangkin ekonomi dan penginstitutional amalan tadbir urus yang baik.

## Jika dokumen terbuka, tidakkah KPP akan mendedahkan rahsia berkaitan pertahanan negara?

Perkara berkaitan keselamatan dan pertahanan merupakan aspek yang tidak boleh dikompromi. Keterbukaan Kerajaan melalui KPP merupakan satu penanda aras pengamalan nilai demokrasi dan tadbir urus yang baik sejajar dengan amalan negara maju. Sehubungan itu, penerbitan KPP tidak mendedahkan rahsia pertahanan negara.

Dasar dan inisiatif yang digariskan dalam KPP merupakan satu isyarat bukan sahaja kepada pihak berkepentingan dalam negara yang meliputi rakyat, agensi kerajaan dan swasta, malahan kepada negara luar dalam meningkatkan kerjasama dan persefahaman demi kebaikan bersama.

Perancangan perolehan keupayaan ATM yang sistematik akan dapat memastikan kesiapsiagaan ATM dalam mendepani cabaran keselamatan semasa selain dapat memajukan industri pertahanan untuk mencapai visi berdikari dan menjana ekonomi sampingan.

## Bilakah KPP dibentangkan di Parlimen?

KPP dibentang di Parlimen awal Disember 2019. KPP juga telah melalui beberapa peringkat pembentangan iaitu kepada Majlis Keselamatan Negara (14 Oktober 2019), Majlis Raja-Raja (29 Oktober 2019), Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri (16 Oktober 2019) dan seterusnya kepada Jemaah Menteri (22 November 2019).